

# Kekaumas UMS akan perjuangkan hak ahlinya

08 12-9-2013 B4

**LABUAN:** Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) akan terus memperjuangkan hak kakitangan UMS terutamanya ahli kesatuan itu.

Presiden Kekaumas, Amat Jutrah Musnih berkata pihak kesatuan akan bekerjasama dengan Cuepacs untuk membantu ahli dalam pelbagai bidang perkhidmatan ketika berkhidmat dengan universiti.

Katanya, selama ini Kekaumas dengan sokongan padu Cuepacs yang diterajui Presidennya, Dato' Omar Osman telah banyak memperjuangkan hak ahli termasuk perkhidmatan kakitangan kontrak di UMS.

Beliau berkata Kekaumas akan memastikan kakitangan kontrak sama ada kakitangan akademik mahupun bukan akademik di UMS termasuk di

UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan diserapkan ke jawatan tetap dalam perkhidmatan mereka.

"Ketika ini, beberapa orang lagi kakitangan berstatus kontrak sedang dalam proses untuk diserapkan ke jawatan tetap di UMS," katanya.

Beliau berkata demikian selepas taklimat Takaful Kasih 1 Cuepacs di Bilik Mesyuarat, Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Taklimat itu disampaikan oleh Pengarah Konsortium Takaful Kasih 1 Cuepacs, Mohamad Fairuz Abu Bakar.

Turut hadir Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarahnya, Prof Madya Dr Ismail Ali, Penolong Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia UMS, Sharifah Rofidah

Habib Hassan dan Penolong Pendaftar Pentadbiran UMSKAL, Noraini Samsu.

Amat Jutrah berkata banyak manfaat boleh diperolehi kakitangan UMS yang menjadi ahli Kekaumas terutama kebajikan, perjawatan, kesihatan serta kenaikan gaji dan pemberian elaun serta bonus.

Oleh itu, beliau mengajak kakitangan UMS agar menjadi ahli Kekaumas yang akan terus bekerja keras memastikan kebajikan mereka dijaga oleh pihak pengurusan universiti.

Beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said yang sentiasa prihatin dengan keperluan dan kebajikan kakitangan termasuk ahli Kekaumas.



**GEOFFREY (empat kanan), Sharifah (tiga kanan), Amat Jutrah (tiga kiri) dan Fairuz (dua kiri) bersama kakitangan yang menghadiri taklimat Takaful Kasih 1 Cuepacs di UMS Labuan, kelmarin.**